

Golongan muda paling ramai muflis

52 peratus daripada individu diisytihar bankrap berketurunan Cina

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry
azrul@bhd.com.my

KUALA LUMPUR: Angka kad kredit, 120 pemuda berusia di bawah umur 25 tahun di negara ini diisytihar muflis sejak 2005, mewakili hampir 10 peratus daripada jumlah yang diisytiharkan bankrap setiap tahun.

Sambil melahirkan kebingungan dengan trend itu, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, berkata jika tidak dibendung, fahaman ini boleh mejeaskan perkembangan ekonomi negara.

"Sekiranya lebih ramai warga muda diisytiharkan bankrap, negara akan kehilangan tenaga dan kepakaran mereka. Mereka dalam kategori umur itu sepatutnya baru memulakan kerjaya atau baru habis pengajian.

"Agak pelik kerana golongan muda itu sudah bankrap kerana gagal mengurus penggunaan kad kredit sehingga menanggung hutang lebih RM30,000 (had minimum perisytiharan bankrap) hanya dalam satu kad," katanya dalam satu pertemuan dengan *Berita Harian*.

Beliau juga mendedahkan hanya kerana satu kad kredit, seorang pemegang kad kredit yang terlalu ghairah berbelanja terperangkap dalam jerat muflis selepas gagal menjelaskan tanggakan hutang mencecah lebih setengah juta ringgit.

Kes itu dilaporkan di Johor Bahru apabila pemegang kad jenis Diners Club itu berhutang lebih RM540,000 dan tersenarai dalam rekod Jabatan Insolvensi bersama 3,637 pemegang



ABDUL KARIM ABDUL JALIL

kad kredit di seluruh negara yang muflis dalam tempoh empat tahun lalu.

Perangkaan dari 2005 hingga Mei lalu menunjukkan 52 peratus daripada individu muflis berketurunan Cina atau seramai 1,907 orang, diikuti Melayu (86 peratus/1,301), India (11 peratus/391) dan lain-lain bangsa (Satu peratus/38).

Perangkaan Bank Negara pula menunjukkan sebanyak 11 juta kad kredit digunakan di seluruh negara sehingga April 2009 memabitkan had RM105.5 bilion dan dengan purata

empat kad seorang, baki tertunggak belum dijelaskan setakat April lalu ialah RM22 bilion.

Abdul Karim berkata, lebih 50 peratus individu bankrap di kalangan pengguna kad kredit adalah mereka berusia bawah 44 tahun, iaitu usia yang masih diperlukan untuk menumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Subhungan itu, beliau menyarankan agar satu kajian dibuat berhubungnya selain menambisbihi dasar dan syarat memohon kad kredit supaya tidak semudah sekarang.

"Sekiranya lebih ramai warga muda diisytiharkan bankrap, negara akan kehilangan tenaga dan kepakaran mereka. Mereka dalam kategori umur itu sepatutnya baru memulakan kerjaya atau baru habis pengajian. Agak pelik kerana golongan muda itu sudah bankrap kerana gagal mengurus penggunaan kad kredit sehingga tanggung hutang lebih RM30,000 (had minimum perisytiharan bankrap) hanya dalam satu kad"

Abdul Karim Abdul Jalil
Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi



Belanja lebih kemampuan bawa sengsara

MATI segan, hidup tak mahu... bese itulah beratnya beban mereka yang muflis.

Tiada lagi istilah senang lenang, kebebasan untuk ke luar negara terbelang, akaun bank dibekukan kecuali untuk bayaran gaji, jauh sekali dapat membuat pinjaman kewangan, apatah lagi menjadi wakil rakyat atau pengaruh syarikat.

Itulah penangan bankrap yang tidak mengenal usia, malah mereka yang belum sempat mengaut pengalaman juga sudah terperangkap dalam usia terlalu muda, antara puncanya hanyalah kad kredit.

Paling ramai menjadi mangsa kad kredit adalah lelaki yang menumbang sebanyak 2,919 kes muflis dalam tempoh 2005 hingga Mei lalu, berbanding 718 kes mambatkan wanita.

Ketua Pengarah Insolvensi, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, berkata perkembangan itu tidak boleh dipandang ringan kerana muflis

akibat hutang kad kredit adalah yang ketika terlinasi selepas pinjaman peribadi dan pinjaman perniagaan.

Katanya, Selangor mencatatkan jumlah individu bankrap tertinggi dengan 1,837 kes dalam tempoh empat tahun itu, diikuti Kuala Lumpur (899 kes), Johor (632 kes), Pulau Pinang (224 kes) dan paling rendah, Perlis dengan 11 kes.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Gencon), Mohd Yusof Abdul Rahman, kesal dengan Bank Negara yang membenarkan promosi agresif dan tidak terkawal untuk menarik pengguna kad kredit.

"Sepatutnya, syarat untuk memiliki kad kredit diperketatkan dan jangan dibuat promosi besar-besaran seperti sekarang. Pendapatan minimum untuk memiliki kad kredit juga perlu dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM56,000 setahun.

"Pembayaran minimum pula ha-

nya lima peratus dan pengguna tak sedar tanggakan akan dikenakan faedah. Justeru, bayaran minimum juga perlu dinaikkan kepada 30 peratus supaya faedah tidak terlalu banyak," katanya.

Selain itu, katanya, pihak bertanggungjawab perlu memperbanyakkan program berkaitan pengurusan kewangan terutamanya untuk golongan muda yang berisiko berbelanja melebihi kemampuan.

"Swarat longgar yang diperkenalkan bank mewujudkan kelompok suka berhutang. Ada melanggan kad kredit baru untuk melunaskan hutang kad kredit lama, akhirnya hutang menimbun," katanya.

Beliau menggesa Bank Negara menggalakkan penggunaan kad debit yang kelihatan lebih melindungi pengguna selain menghentikan perisytiharan di kalangan bank untuk mendapat pelanggan dan menyokong penggunaan kad jika hutang terlalu tinggi.



Mohd Yusof Abdul Rahman



PEMANGKAD kredit yang terlalu gharah berbelanja terpaksa menanggung dalam jerat masalah selepas gagal menepatkan tunggakan hutang mencecah lebih setengah juta ringgit.



Mohamed Akwal Sultan

Bayaran minimum punca faedah tinggi

LEBIH 70 peratus daripada peserta program pengurusan kredit yang diuruskan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) membabitkan mereka yang bermasalah dalam penempatan bayaran kad kredit dan berdepan risiko dikemudian tindakan undang-undang.

Berdasarkan perangkaan AKPK, 13.4 peratus daripada keseluruhan 27,790 peserta program itu mempunyai masalah hutang kad kredit, manakala 36.6 peratus lagi kerana hutang kad kredit bersama pelbagai masalah kewangan lain.

Jumlah peserta terus bertambah setiap tahun sejak agensi itu diwujudkan pada 2006 hingga mencecah lebih 90,000 orang setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Mohamed Akwal Sultan, berkata masalah pengurusan kewangan membabitkan hutang kad kredit paling ketara di kalangan rakyat kerana ia tidak membabitkan aset ogaran. "Seseorang itu akan sedaya upaya mencari jalan membayar hutang kereta dan rumah kerana ia membabitkan aset yang akan ditarik jika gagal dibuat bayaran. Bagi kad kredit, ia hutang tanpa cagar yang tidak begitu dipedulikan sangat. "Lantaran itu, ramai

yang datang ke AKPK ada masalah hutang kad kredit," katanya sambil menambah AKPK pada dasarnya menggalakkan penggunaan kad kredit, tetapi perlu secara berhemah.

Katanya, pendekatan membuat bayaran minimum kad kredit akan merangkap pengguna kerana tunggakan hutang kredit akan dikenakan faedah 18 peratus setahun, sebaliknya bayaran harus dibuat ke atas jumlah yang digunakan.

"Sekiranya satu kad digu- gukan, sehingga RM10,000 dan sekadar membuat bayaran minimum, ia akan memakan masa tujuh tahun empat bulan untuk menyelesaikan tunggakan hutang itu dengan faedah sebanyak RM3,590," katanya.

Belau berkata, kad kredit sebenarnya penting dalam kehidupan ketika ini kerana sering berlaku sebagai keperluan yang tidak ditaga, tetapi tidak ramai tertutama golongan muda berdisiplin dalam menguruskan perbelanjaan mereka.

Berdasarkan perangkaan AKPK, lebih 70 peratus masalah pengurusan kewangan membabitkan lelaki, 60 peratus di bawah usia 40 tahun, 65 peratus bagi mereka berpendapatan kurang RM5,000 sebulan dan hampir 80 peratus sudah berkahwin.

INFO

Jumlah kes bankrap guna kad kredit mengikut umur 2005-2009

Tahun	2009 (sehingga Mei)					Jumlah
Golongan umur	2005	2006	2007	2008		
Di bawah umur 25 tahun	12	50	27	28	3	120
25-34 tahun	199	135	158	145	28	665
35-44 tahun	468	259	277	191	50	1,245
45-54 tahun	401	218	214	156	53	1,042
55 tahun dan ke atas	239	122	92	87	25	565
Jumlah	1,319	784	768	607	159	3,637